



*Kementerian Sumber Asli  
dan Kelestarian Alam*

**Akta Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 &  
Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024**

**Q & A**

***SESI TOWNHALL***

***9 September 2024***

## KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

<b>BIL</b>	<b>AGENSI</b>	<b>BIL SOALAN</b>
1	LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA	4
2	PETRONAS	2
3	INSTITUT RIMBAWAN MALAYSIA (IRIM)	2
4	INSTITUTE OF ELECTRICAL & ELECTRONICS ENGINEERS (IEEE) GEOSCIENCE & REMOTE SENSING SOCIETY (GRSS) MALAYSIA CHAPTER	2
5	JABATAN LAUT MALAYSIA	6
6	PERSATUAN JURUTERA PERUNDING MALAYSIA (ACEM)	1
7	INSTITUTION OF GEOSPATIAL AND REMOTE SENSING MALAYSIA - IGRSM	2
8	PERSATUAN JURUTERA PERTANIAN DAN MAKANAN MALAYSIA (MSAE)	2
9	INSTITUTE OF GEOLOGY MALAYSIA (IGM)	2
10	INTERNATIONAL INSTITUTE OF PLANTATION MANAGEMENT (IIPM)	2

## KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

BIL	AGENSI	BIL SOALAN
11	PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL (PHN)	2
12	MALAYSIAN SOCIETY OF SOIL SCIENCE (MSSS)	1/2
13	KORIDOR UTILITI TEKNOLOGI TERENGGANU (KUTT)	1
14	PERTUBUHAN HIDROGRAFI KEBANGSAAN (MALAYSIA)	2
15	INSTITUT PERTANIAN MALAYSIA	2
16	PERTUBUHAN BIM MALAYSIA	2
17	MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS	2
18	LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA	2
19	KORIDOR UTILITI PAHANG	2
	JUMLAH	42

# KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

## AGENSI 1 : LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA - 4

**Soalan 1:** Adakah ahli geologi TIDAK BOLEH menjalankan *survey geomatic* dalam menjalankan tugas hakiki mereka?

### Jawapan 1:

Ahli geologi masih boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti geologi seperti yang termaktub dalam Jadual kedua bidang geologi, Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689) kerana ianya bukan bidang ukur geomatik dan tidak bertentangan dengan akta dan peraturan Juruukur Tanah Berlesen (pindaan) 2024.

**Soalan 2:** Adakah pelbagai pelan/peta yang dihasilkan daripada aktiviti penyiasatan geologi oleh Ahli Geologi yang diperakui di bawah Akta Ahli Geologi dan Akta Penyiasatan Kajibumi TIDAK SAH sebagai pelan/peta untuk digunakan sebagai sumber rujukan bagi tujuan Kebenaran Merancang, Perancangan Guna Tanah, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah, Pembangunan Medan Telaga Minyak & Gas, Reka bentuk Cerun Binaan, Permohonan Pinjaman Bank, dan sebagainya?

**Jawapan 2:** Tiada halangan selagi mana ianya selari dengan Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689).

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 689

AKTA AHLI GEOLOGI 2008

## Amalan oleh pengamal

**21.** (1) Seseorang yang bukan ahli geologi berdaftar dan yang tidak memegang apa-apa kelayakan akademik yang diluluskan oleh Lembaga bagi maksud Akta ini tetapi telah menjalankan amalan atau menjalankan urusan dalam mana-mana bidang geologi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sebelum tarikh yang ditetapkan boleh terus menjalankan amalan dan menjalankan urusan sedemikian dengan syarat dia didaftarkan sebagai seorang pengamal berdaftar di bawah Akta ini dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh yang ditetapkan.

## JADUAL KEDUA [Seksyen 21 dan 27]

### BIDANG GEOLOGI

- (a) geofizik
- (b) geokimia
- (c) geokronologi
- (d) geologi alam sekitar
- (e) geologi ekonomi
- (f) geologi kejuruteraan
- (g) geologi marin
- (h) geologi petroleum
- (i) geologi rantau
- (j) geologi struktur dan tektonik
- (k) hidrogeologi
- (l) pencarigalian dan penjelajahan
- (m) mineralogi
- (n) petrologi
- (o) stratigrafi dan paleontologi
- (p) sains geologi selain yang dinyatakan dalam butiran (a) hingga (o)

# KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

## AGENSI 1 : LEMBAGA AHLI GEOLOGI MALAYSIA - 4

**Soalan 3:** Adakah terdapat had pemakaian akta ini dari segi geografi?  
dan Adakah Juruukur bertauliah mempunyai pengalaman mengendalikan data navigasi seismic di kawasan transisi & laut lepas?

### **Jawapan 3:**

Pemakaian akta ini adalah hanya di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan sahaja. Manakala had bidang kuasa JTB di bawah akta ini adalah melibatkan tanah sehingga *low water line*.

**Soalan 4:** Antara kerja-kerja yang tersenarai sebagai *geomatics survey* adalah, *seabed hydrographic mapping*. Apa terdapat limitasi geografi bagi aktiviti ini bagi seorang jurukur bertauliah?; dan

Boleh jelaskan secara lanjut mengenai *seabed hydrographic*?

Untuk makluman, ahli geology/geophysics telah lama terlibat secara langsung dalam penghasilan pemetaan seabed.

### **Jawapan 4:**

*Seabed hydrographic* tidak terlibat dalam ukur geomatik. Skop pengukuran hidrografi dalam akta ini adalah melibatkan inland waters sehingga *low water line* sahaja.

# KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

## AGENSI 2 : PETRONAS - 2

**Soalan 1:** Mohon penjelasan lanjut mengenai aktiviti-aktiviti "geomatik survey". Apakah terdapat had pemakaian akta ini dari segi skop (untuk tujuan tertentu shj) dan geografi.

**Jawapan 1:** Terdapat 9 bidang amalan ukur geomatik seperti mana yang telah dibentangkan sebentar tadi. Dari aspek geografi, ianya melibatkan kawasan tanah sehingga *low water line*.

**Soalan 2:** Aplikasi 'geomatik survey' telah berkembang pesat dan sangat meluas merangkumi pelbagai aspek kerja-kerja pemetaan. Kartografi dan geospatial database, dengan sokongan teknologi GNSS menjadi satu keperluan dalam membuat keputusan-keputusan penting. Apakah persediaan yang telah/akan di buat bagi menjamin tiada kesan besar ke atas aktiviti-aktiviti penting yang sedang/akan berlangsung?

### **Jawapan 2:**

Skop yang akan dilaksanakan oleh JTB adalah merangkumi 9 bidang yang telah dibentangkan sebentar tadi yang mana JTB adalah kompeten melaksanakan skop kerja tersebut. Pada masa ini terdapat 482 orang JTB yang menjalankan praktis sebagai JTB di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan yang mana jumlah ini akan bertambah dari semasa ke semasa.

# KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

## AGENSI 3 : INSTITUT RIMBAWAN MALAYSIA (IRIM) - 2

**Soalan 1:** Akta Juruukur harus dibaca bersama dengan Akta Perhutanan Negara 1984 kerana Akta Perhutanan ada menyebut dengan jelas berkaitan juruukur berlesen dalam kerja-kerja perhutanan. Adakah pindaan AJTB ini akan menyebabkan konflik dalam Akta Perhutanan?

**Jawapan 1:** Tiada sebarang konflik antara Akta ini dengan Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313).

**Soalan 2:** Jika pindaan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 diluluskan, kami mencadangkan pengecualian diberikan kepada aktiviti perhutanan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Ini kerana pindaan akta ini akan menyebabkan aktiviti akan menanggung kos untuk melaksanakan aktiviti berkaitan survei dan pemantauan hutan yang berkaitan dengan teknologi geomatik (Remote Sensing dan GIS). Cadangan: Satu peruntukan pengecualian harus dirumuskan / dimasukkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 berkaitan perkara ini.

**Jawapan 2:** Aktiviti survey berkaitan aktiviti pemantauan hutan masih boleh diteruskan kerana ianya tidak termasuk di bawah 9 bidang ukur geomatik dalam akta ini.



# KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

**AGENSI 4 : INSTITUTE OF ELECTRICAL & ELECTRONICS ENGINEERS (IEEE) GEOSCIENCE & REMOTE SENSING SOCIETY (GRSS) MALAYSIA CHAPTER - 2**

**Soalan 1:** The legislation amendment should be reviewed

**Jawapan 1:**

Di bawah Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan, setelah satu rang undang-undang diluluskan di Parlimen dan diberi perkenan KDYMM Yang Dipertuan Agong, ia adalah satu undang-undang dan akan berkuatkuasa setelah ia diterbitkan. Apa-apa pindaan hendaklah dilaksanakan melalui proses pindaan undang-undang di Parlimen.

**Soalan 2:**

Take action to minimize disruption to the current practice.

**Jawapan 2:** Akta ini tidak akan menyebabkan gangguan kepada amalan semasa.

# KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

## AGENSI 5: JABATAN LAUT MALAYSIA - 6

### Soalan 1:

Jabatan Laut menjalankan kerja2 hidrografi bagi tujuan keselamatan pelayaran. Mempunyai kelayakan Cat. A dan B. Adakah pindaan akta ini memberi kesan kepada aktiviti *hydrography* dan pengerukan

**Jawapan 1:** Akta ini tidak berkaitan dengan kerja-kerja hidrografi bagi tujuan keselamatan pelayaran. Akta ini juga tidak memberi kesan kepada aktiviti hidrografi kecuali di inland waters.

### Soalan 2:

Jabatan Laut juga mempunyai sistem digital mapping bagi tujuan pemantauan trafik kapal. Adakah pindaan akta ini memberi kesan

**Jawapan 2:** Pindaan Akta 458 ini tidak memberi kesan.

## AGENSI 5: JABATAN LAUT MALAYSIA - 6

### Soalan 3:

Jabatan laut malaysia adalah satu-satunya agensi awam yang melaksanakan survei hidrografi dan mempunyai unit dan peralatan sendiri. Selain itu jabatan laut juga melaksanakan aktiviti pengerukan dan penandaan alat bantuan pelayaran di perairan Malaysia bagi tujuan antaranya keselamatan pelayaran. Adakah menjadi kesalahan jabatan laut yang menjalankan survei hidrografi sebagai obligasi kepada fungsi jabatan sejak 1952 berdasarkan MSO1952?

### Jawapan 3:

Tidak menjadi satu kesalahan kerana ianya tidak bertentangan dengan akta ini.

## AGENSI 5 : JABATAN LAUT MALAYSIA - 6

### Soalan 4:

Bolehkah kakitangan Jabatan Laut yang diiktiraf peringkat antarabangsa terlibat dengan aktiviti survei hidrografi diiktiraf tanpa sebarang sekatan atau pengecualian sejajar dengan cadangan akta tersebut?

### Jawapan 4:

Mana-mana kakitangan jabatan laut yang diiktiraf peringkat antarabangsa boleh melaksanakan aktiviti ukur hidrografi tanpa sebarang halangan sekiranya ianya untuk kegunaan Jabatan Laut sahaja. Namun begitu, bagi kerja-kerja hidrografi di *inland waters* yang disumber luar (*outsourced*) melalui perolehan perkhidmatan kerajaan hendaklah dilaksanakan oleh JTB sahaja.

## AGENSI 5 : JABATAN LAUT MALAYSIA - 6

### Soalan 5:

Jabatan Laut Malaysia tidak pernah dilibatkan secara langsung semasa perancangan akta ini. Oleh yang demikian, Jabatan ini memohon supaya pandangan Jabatan ini selaku agensi awam yang mengawalselia aktiviti marin di bawah MSO1952 dan juga satu-satunya Jabatan awam yang mempunyai kepakaran hidrografi dan seterusnya menjalankan aktiviti survei hidrografi di perairan Malaysia bagi tujuan keselamatan pelayaran mahupun keselamatan aktiviti marin diambilkira sebelum akta ini dikuatkuasa memandangkan terdapat kekeliruan fungsi. Adakah fungsi Jabatan ini akan terjejas dan mengganggu kelancaran keselamatan pelayaran dan aktiviti marin di perairan Malaysia?

### Jawapan 5:

Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Pindaan Akta JTB turut diedarkan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan MOT menyokong pindaan akta ini.

Fungsi Jabatan Laut tidak terjejas dengan pindaan akta ini selagi mana tidak melibatkan kerja-kerja ukur geomatik sebagaimana yang dikawal selia di bawah Akta ini.

# KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

## AGENSI 5 : JABATAN LAUT MALAYSIA - 6

### Soalan 6:

Jabatan ini turut mengawalselia pergerakan kapal di Selat Melaka dengan menggunakan sistem trafik. Data-data tersebut dicerap daripada survei hidrografi yang berterusan. Penglibatan pihak ketiga boleh menambah birokrasi ke atas kemaskini data pada sistem tersebut. Ini termasuklah sekiranya terdapat kemalangan atau kejadian yang berlaku di dalam perairan Negara antaranya di dalam pelabuhan, tindakan segera tidak dapat dilaksanakan dengan lancar. Bolehkah dinyatakan dengan jelas garis sempadan pemakaian akta ini?

### Jawapan 6:

Jabatan Laut boleh melaksanakan ukur hidrografi yang berterusan tanpa sebarang halangan sekiranya ianya untuk kegunaan Jabatan Laut sahaja. Namun begitu, bagi kerja-kerja hidrografi di *inland waters* yang disumber luar (*outsourced*) melalui perolehan perkhidmatan kerajaan hendaklah dilaksanakan oleh JTB sahaja.

## AGENSI 6 : PERSATUAN JURUTERA PERUNDING MALAYSIA (ACEM) - 1

### **Soalan 1:**

Pindaan Akta 458 telah menafikan hak jurutera dan juga profesional lain yang selama ini membuat kerja ukur geomatik.

### **Jawapan 1:**

Pindaan Akta 458 ini tidak menafikan hak jurutera dan profesional lain kerana ianya hanya melibatkan 9 bidang ukur geomatik untuk tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;
- ii. public purposes;
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.

## AGENSI 7 : INSTITUTION OF GEOSPATIAL AND REMOTE SENSING MALAYSIA (IGRSM) - 2

### **Soalan 1:**

Setelah draf peraturan tersebut selesai digubal, kami dengan hormat memohon jaminan yang ia dapat disediakan kepada semua pemegang taruh untuk memberikan maklum balas dalam tempoh sekurang-kurang satu bulan agar dapat memastikan kesinambungan dan kemajuan bidang geomatik dalam pelbagai sektor di Malaysia, dengan kepentingan semua pihak terjaga dan dipelihara.

### **Jawapan 1:**

Sesi townhall ini merupakan satu sesi libat urus bersama pihak-pihak berkenaan bagi memberi penerangan berkaitan isi kandungan utama Peraturan-peraturan Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024.



## AGENSI 7 : INSTITUTION OF GEOSPATIAL AND REMOTE SENSING MALAYSIA – IGRSM - 2

### Soalan 2:

Apakah mekanisme yang akan ada untuk memastikan professional dan graduan baharu dari pelbagai latar belakang (seperti geoinformatik, geografi, hidrografi, kejuruteraan, perancangan bandar dan desa, pertanian, perladangan, perhutanan, seni bina landskap, geologi, teknologi maklumat, serta statistik), masih boleh mengamalkan geomatik, termasuk dengan ukuran tepat (survey accurate), mengikut keperluan dalam sektor masing-masing selepas pewartaan pindaan akta tersebut?

### Jawapan 2:

Professional dan graduan baharu / sedia ada yang mempunyai kelayakan dalam bidang geomatik dan setara dengannya yang diiktiraf oleh LJT boleh mendaftar sebagai JTB seperti yang diterangkan sebelum ini. Bagi professional dan graduan baharu / sedia ada bidang lain masih boleh meneruskan ukur geomatik selagi ia tidak melibatkan kerja-kerja bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. public purposes;*
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

## AGENSI 8: PERSATUAN JURUTERA PERTANIAN DAN MAKANAN MALAYSIA (MSAE) - 2

### Soalan 1:

Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam apabila ditanya dalam Dewan Rakyat apa itu accurate survey, beliau telah menjawab sebagai penggunaan Total Station atau menggunakan peralatan GPS. Ramai kami yang bukan JTB sudah lama gunakan Total Station dan GPS.

Adalah menjadi kesalahan sekarang jika terus kami gunakan?

### Jawapan 1:

Tiada halangan untuk terus menggunakan alat total station dan GPS bagi kegunaan dalaman MSAE selagi ia tidak melibatkan kerja-kerja bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. public purposes;*
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

## AGENSI 8: PERSATUAN JURUTERA PERTANIAN DAN MAKANAN MALAYSIA (MSAE) - 2

### **Soalan 2:**

Operasi precision farming dengan drone adakalanya menggunakan RTK GPS dan berkejituan tinggi ke tahap cm. Adakah ini melanggar definisi geomatik?

### **Jawapan 2:**

Tidak melanggar definisi ukur geomatik dalam akta ini.

# KOMPILASI SOALAN DARIPADA AGENSI UNTUK SESI TOWNHALL

## AGENSI 9 : INSTITUTE OF GEOLOGY MALAYSIA (IGM) - 2

**Soalan 1:** Ukuran geomatik survey accurate untuk geologi, seperti dalam konteks eksplorasi sumber mineral dan pemetaan geologi ada menggunakan laser scanner seperti LiDAR dan terrestrial laser scanning. Adakah ahli geologi yang membuat kerja ini akan diambil tindakan bawah pindaan Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958?

**Soalan 2:** Ahli geologi menjalankan kajian risiko geologi dan alam sekitar, terutama dalam konteks pengurusan bencana alam seperti tanah runtuh dan gempa bumi, di mana ketepatan ukuran geomatik memainkan peranan penting. Kami ada menggunakan ketepatan sentimeter, jadi ini pun menjadi kesalahan bawah pindaan akta?

## AGENSI 9 : INSTITUTE OF GEOLOGY MALAYSIA (IGM) - 2

Jawapan 1 & 2:

Mana-mana aktiviti LiDAR dan terrestrial laser scanning yang melibatkan survey-accurate technique hendaklah menggunakan perkhidmatan JTB bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. public purposes;*
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

Ahli geologi masih boleh melaksanakan aktiviti-aktiviti geologi seperti yang termaktub dalam Jadual kedua bidang geologi, Akta Ahli Geologi 2008 (Akta 689) kerana ianya bukan bidang ukur geomatik dan tidak bertentangan dengan akta dan peraturan Juruukur Tanah Berlesen (pindaan) 2024.

## AGENSI 10 : INTERNATIONAL INSTITUTE OF PLANTATION MANAGEMENT (IIPM) - 2

**Soalan 1:** Bagaimanakah pindaan kepada Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 akan mempengaruhi keupayaan syarikat pengurusan ladang untuk menjalankan ukuran geomatik survey accurate mereka sendiri?

Teknologi automasi membolehkan rekabentuk titik tanaman dengan perisian GIS atau autocad, manakala teknologi GPS / GNSS membolehkan titik tanaman di ladang diukur dan ditentukan dengan ukuran ketepatan cm terdekat. Boleh pegawai geomatik kami yang bukan Juruukur Tanah Berlesen (JTB) terus buat kerja ini?

### **Jawapan 1:**

Aktiviti ukur geomatik boleh dilaksanakan oleh agensi tetapi hendaklah menggunakan perkhidmatan JTB bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;
- ii. public purposes;
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government

## AGENSI 10 : INTERNATIONAL INSTITUTE OF PLANTATION MANAGEMENT (IIPM) - 2

**Soalan 2:** Memandangkan pindaan akta memperkenalkan keperluan untuk Juruukur Tanah Berlesen (JTB) menjalankan semua aktiviti ukuran geomatik survey accurate, apakah langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan untuk memastikan bahawa kos perkhidmatan ini tetap berpatutan bagi syarikat pengurusan ladang, terutamanya bagi perusahaan kecil?

Sekiranya kos operasi kami meningkat kerana perlu melantik JTB di bawah keperluan pindaan akta, dengan siapa kami boleh tuntutan ganti-rugi atau pampasan?

### **Jawapan 2:**

Pindaan akta ini tidak melibatkan penetapan skala fi bagi kerja-kerja ukur geomatik.

## AGENSI 11 : PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL (PHN) - 2

### Soalan 1:

Dimanakah garis pemisah di antara peranan Juruukur Tanah Berlesen dan PHN serta Juruukur Hidrografi lain merujuk kepada Akta JTB (Pindaan) 2024 dan Peraturan-Peraturan JTB (Pindaan) 2024 serta apakah perincian skop hydrography/seabed topographic mapping yang dimaksudkan di dalam pindaan ini?

### Jawapan 1:

Skop pengukuran hidrografi dalam akta ini adalah melibatkan inland waters. Seabed topographic mapping tidak terlibat dalam ukur geomatik



## AGENSI 11 : PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL (PHN) - 2

**Soalan 2:** Apakah implikasi pindaan Akta 458 terhadap Juruukur Hidrografi yang tidak berdaftar sebagai Juruukur Tanah Berlesen (JTB) dan garis panduan yang digunakan oleh Lembaga JTB untuk pelaksanaan kerja-kerja pengukuran hidrografi di Malaysia? Sekiranya skop Ukur Geomatik merangkumi kesemua aspek pengukuran (tanah, hidrografi, remote sensing, dsbnya), adalah lebih baik sekiranya terma Juruukur Geomatik digunakan bagi menggantikan penggunaan Juruukur Tanah. Apa pandangan JUPEM, PEJUTA atau NRES?

### Jawapan 2:

Mana-mana individu yang tidak berdaftar sebagai JTB boleh melaksanakan kerja-kerja ukuran hidrografi kecuali yang melibatkan di *inland waters*.

Inland waters mean any reservoir, pond, lake, river, stream, canal, drain, spring or well, or any part of the sea above the low water line along the coast, or any other body of natural or artificial surface or subsurface water. For this particular hydrographic survey and mapping, it does not include hydrographic survey for sand mining and coastal erosion.

## AGENSI 12 : MALAYSIAN SOCIETY OF SOIL SCIENCE (MSSS) - 2

**Soalan 1 :** Geomatik survey boleh didefinasi dgn pelbagai cara.

Contohnya:

"geomatics survey" means any survey undertaken for the purposes of production of or in connection with, maps, geomatics survey plans or information using survey-accurate techniques.

### **Jawapan 1:**

Interpretation 4 adalah betul dan pembacaan takrifan "geomatics survey" hendaklah dibaca bersama dengan Peraturan-Peraturan Juruukur Tanah Berlesen.

Interpretation no. 4:

"geomatics survey" means any survey undertaken:

1. for the purposes of the production of maps using survey-accurate techniques
2. for the purposes of the production of geomatics survey plans using survey-accurate techniques
3. for the purposes of the production of information using survey-accurate techniques
4. in connection with maps using survey-accurate techniques
5. in connection with geomatics survey plans using survey-accurate techniques
6. in connection with information using survey-accurate techniques

## AGENSI 12 : MALAYSIAN SOCIETY OF SOIL SCIENCE (MSSS) - 2

### Soalan 2:

Adakah undang-undang ini diguna pakai sekiranya survey tanah dilakukan tanpa penggunaan peta geomatik dan sekiranya survey tanah dilakukan untuk kegunaan dalaman (internal use) adakan perlu untuk pihak berkenaan mendapat kebenaran pihak JUPEM

### Jawapan 2:

Tiada halangan untuk kegunaan dalaman (internal use). Akta ini merujuk kepada aktiviti ukur geomatik yang dilaksanakan hendaklah menggunakan perkhidmatan JTB bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. public purposes;*
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

## AGENSI 13 : KORIDOR UTILITI TEKNOLOGI TERENGGANU (KUTT) - 1

### **Soalan 1:**

Di dalam berkuatkuasanya akta jurukur pindaan 2024 ini, adakah semua syarikat penyedia utiliti tidak lagi boleh menyimpan data geospasial.

### **Jawapan 1:**

Penyimpanan data geospasial tidak dihalang oleh pindaan akta ini.

## AGENSI 14 : PERTUBUHAN HIDROGRAFI KEBANGSAAN (MALAYSIA) - 2

### Soalan 1:

Apakah beza ukur hidrografi bawah 3 batu nautika dari garis pangkal dan ukur hidrografi lebih dari 3 batu nautika? Di peringkat antarabangsa jurukur hidrografi berkelayakan boleh melaksanakan keseluruhan kerja pengukuran hidrografi yang bersifat pencartaan, kajian saintifik, kejuruteraan, pembangunan dan sebagainya. Di manakah datangnya ideologi ukur hidrografi hanya untuk pencartaan? Dan sekiranya ada had 3 batu nautika dari garis pangkal bagi kerja-kerja Jurukur Tanah Berlesen, kerja-kerja ini dihadkan kepada pengukuran sempadan bagi tujuan hak milik dan penggunaan tanah sahaja bagi digunakan untuk menentukan bidang kuasa negeri dalam pengurusan tanah di kawasan maritim berhampiran pantai seperti yang termaktub di dalam Kanun Tanah Negara.

### Jawapan 1:

Mana-mana individu yang tidak berdaftar sebagai JTB boleh melaksanakan kerja-kerja ukuran hidrografi kecuali yang melibatkan di *inland waters*.

*Inland waters* mean any reservoir, pond, lake, river, stream, canal, drain, spring or well, or any part of the sea above the low water line along the coast, or any other body of natural or artificial surface or subsurface water. For this particular hydrographic survey and mapping, it does not include hydrographic survey for sand mining and coastal erosion.

## AGENSI 14 : PERTUBUHAN HIDROGRAFI KEBANGSAAN (MALAYSIA) - 2

### Soalan 2:

Apakah perincian tafsiran Geomatik di dalam pindaan Akta ini? Pentakrifan bidang pengukuran geomatik perlu dilakukan dengan jelas dengan memperincikan lagi skop geomatik dan keperluan untuk melibatkan disiplin seabed mapping topography.

### Jawapan 2:

Takrifan “ukur geomatik” akan diperincikan di dalam Peraturan JTB sebagaimana yang telah dibentangkan. *The area of practice for geomatics survey shall be as follows:*

- a) *Airborne Survey and Mapping;*
- b) *Geodetic Survey;*
- c) *Hydrographic Survey and Mapping;*
- d) *Survey and Mapping for engineering works;*
- e) *Survey and Mapping for BIM;*
- f) *Survey and Mapping for GIS;*
- g) *Terrestrial Survey and Mapping;*
- h) *Topographic Survey and Mapping;*
- i) *Underground Survey and Mapping.*

## AGENSI 15 : INSTITUT PERTANIAN MALAYSIA - 2

### Soalan 1:

Memandangkan pindaan akta ini menyebabkan gangguan kepada amalan semasa dalam ukuran geomatic survey accurate dalam pelbagai bidang, kami ingin bertanya mengenai agensi /jabatan kerajaan / kementerian mana yang telah dilibatkan dalam sesi libat urus pada tahun 2020? Di samping itu, adakah kementerian dan LJT akan membayar ganti rugi bagi mana-mana pengamal geomatik yang hilang punca penyaraan hidup (loss of livelihood) akibat pelaksanaan akta pindaan ini?

### Jawapan 1:

Pindaan akta ini tidak akan menyebabkan gangguan kepada amalan semasa dalam ukur geomatik. Aktiviti ukur geomatik boleh dilaksanakan oleh agensi tetapi hendaklah menggunakan perkhidmatan JTB bagi tujuan berikut:

- i. *the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. *public purposes;*
- iii. *any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

## AGENSI 15 : INSTITUT PERTANIAN MALAYSIA - 2

### Soalan 2:

Harap istilah *survey accurate* diberi definisi dalam akta sendiri dan bukan dalam peraturan yang boleh berubah-ubah.

Hukuman berat kepada yang langgar definisi geomatik *survey* dalam akta, jadi definisi *survey accurate* harus diberi dalam akta.

### Jawapan 2:

Takrifan *survey-accurate technique* akan diperuntukkan di dalam peraturan dan pindaan kepada peraturan adalah melalui kuasa Menteri dan tidak sewenang-wenangnya dipinda.



## AGENSI 16 : PERTUBUHAN BIM MALAYSIA - 2

### Soalan 1:

Adakah penghasilan data ukur secara Building Information Modelling (BIM) dan Scan to BIM bagi semakan kualiti pembinaan termasuk di dalam akta ini?

### Jawapan 1:

Semakan kualiti pembinaan tidak termasuk dalam akta ini.

Akta ini adalah mengenai penghasilan data ukur yang berdasarkan survey-accurate technique hendaklah menggunakan perkhidmatan JTB bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. public purposes;*
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

## AGENSI 16 : PERTUBUHAN BIM MALAYSIA - 2

### Soalan 2:

Adakah kerja-kerja pengukuran dan pencerapan data bangunan sedia ada bagi penghasilan model BIM / lukisan terukur termasuk di dalam akta ini?

### Jawapan 2:

Ya, kerja-kerja pengukuran dan pencerapan data bangunan sedia (as-built) berdasarkan survey accurate technique hendaklah menggunakan perkhidmatan JTB bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. public purposes;*
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

## AGENSI 17 : MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS - 2

### Soalan 1:

'Keperluan mendaftar JTB dalam tempoh 6 bulan”

Untuk makluman, semenjak tahun 1999, bidang perancangan bandar telah mula menggunakan aplikasi GIS dan menjalankan kerja-kerja geometri (yang berkaitan dengan guna tanah, bangunan) dalam kerja harian dan juga dalam penyediaan dokumen Pembangunan seperti Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan dokumen perancangan negeri.

Dimohon penjelasan sama ada pihak Perancang bandar masih dibenarkan atau akan disekat untuk meneruskan kerja-kerja tersebut, kerana dlm LJT register hanya utk khusus utk Sr. Ini akan menyukarkan pihak kami yang telah lama menjalankan/menggunakan aplikasi berasaskan geometric/GIS dalam kerja harian kami. Maka, kami mohon untuk dibenarkan praktis seperti sekarang (status quo).

## AGENSI 17 : MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS - 2

### Jawapan 1:

Penggunaan aplikasi GIS boleh digunakan tanpa sebarang halangan oleh mana-mana individu. Namun begitu, bagi kerja-kerja survey and mapping for GIS hendaklah dilaksanakan oleh JTB bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. public purposes;*
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

## AGENSI 17 : MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS - 2

### Soalan 2:

Skop berkaitan GIS tidak seharusnya dihadkan kepada 1 profesion sahaja. GIS ini adalah sebagai 'tools' dalam kajian-kajian perancangan dalam membuat analisis keadaan semasa, senario perancangan dan pembangunan masa hadapan serta penghasilan peta-peta yang berkaitan.

- Akan meningkatkan kos Kajian & projek dgn keperluan utk memdapatkan khidmat LSr
- Akan membantutkan inovasi & aplikasi AI/GIS dlm semua sektor terlibat
- Adakah tahap pengetahuan & kapasiti LSr semasa berupaya untuk mentaksir hasil analisis 'cross-sectoral? yang kini digunapakai sebagai asas dalam membuat keputusan dalam pembangunan
- maka dimohon perincian dalam definisi/ taksifan geomatic dan dimasukkan dalam kaedah agar tidak menimbulkan kesukaran pada semua pihak di masa akan datang.

## AGENSI 17 : MALAYSIAN INSTITUTE OF PLANNERS - 2

### Jawapan 2:

Penggunaan aplikasi GIS boleh digunakan tanpa sebarang halangan oleh mana-mana individu. Namun begitu, bagi kerja-kerja survey and mapping for GIS hendaklah dilaksanakan oleh JTB bagi tujuan berikut:

- i. the purpose of any submission to any government authority;*
- ii. public purposes;*
- iii. any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

## AGENSI 18 : LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA - 2

### Soalan 1:

With the amendment to the Licensed Land Surveyor Act, will engineers be allowed to perform engineering survey works as provided under the Registration of Engineers Act 1967, Act 138. If not, has the ministry concern considered the impact on the number of engineering fraternity involved in providing such services to consultants, developers, contractors, property management companies, agencies etc.

### Jawapan 1:

Di bawah Seksy 8(1) Registration of Engineers Act 1967, Jurutera dibenarkan menjalankan engineering survey dan di dalam BEM Guideline 004/2018 JTB juga boleh menjalankan Engineering Survey.

Oleh itu, pindaan Licensed Land Surveyor Act 1958 ini tidak menghalang jurutera dari melaksanakan *engineering survey works*.

## AGENSI 18 : LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA - 2

### Soalan 2:

Presently, most of the engineering related surveys are being undertaken by engineering fraternity themselves using newly available technologies such as LiDAR, remote sensing etc for planning, design, construction and monitoring works. Why do we have to introduce a new policy to provide exclusivity to one profession for works that have been successfully undertaken by other professions over the past decades without issues nor complaints involving public interest.



## AGENSI 18 : LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA - 2

### Jawapan 2:

Terdapat isu dalam penggunaan LiDAR oleh golongan bukan profesional yang telah melibatkan kerugian jutaan ringgit kepada kerajaan sebagaimana yang dilaporkan dalam Laporan Audit Negara Bil2 /2015. Ia melibatkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dalam membuat perolehan data LiDAR (Light Detection and Ranging) telah tidak menyediakan spesifikasi teknikal dengan betul dan pihak yang menjalankan kerja-kerja LiDAR tidak melaksanakan pengutipan data mengikut tatacara yang profesional.

Teknologi LiDAR ini merupakan salah satu kaedah perolehan data geospatial yang memerlukan kepakaran dalam bidang geomatik. Oleh itu, kerja-kerja yang menggunakan LiDAR perlu mendapat khidmat JTB bagi tujuan berikut:

- *the purpose of any submission to any government authority;*
- *public purposes;*
- *any other purposes as required by any government agency, statutory body, government link company, or company appointed by government.*

Selain dari tujuan di atas, penggunaan teknologi LiDAR boleh digunakan tanpa sebarang halangan oleh mana-mana individu

## AGENSI 19 : KORIDOR UTILITI PAHANG - 2

### Soalan 1:

Adakah pihak Lembaga Jurukur Tanah akan mengkaji semula kadar caj ukur yang baru dengan pindaan akta ini?

### Jawapan 1:

Pindaan Akta dan Peraturan ini tidak melibatkan sebarang bayaran fee.

### Soalan 2:

Agensi koridor Utiliti negeri ini melaksanakan kerja2 pemetaan utiliti dan adakah cara caj bayaran kepada Juruukur Berlesen yang melaksanakan kerja sama seperti kaedah yang digunakan untuk caj bayaran ukur hakmilik apabila akta ini dilaksanakan.(Pemohon bayar ke LJT)?

### Jawapan 2:

Pada masa ini, pemohon tidak perlu depositkan bayaran kepada LJT. Namun, dalam peruntukan baharu pindaan peraturan, bayaran ukur geomatik (termasuk utility) boleh juga didepositkan ke LJT atas persetujuan pihak melantik dan dilantik tetapi ianya bukanlah mandatori.

# *Terima Kasih*



Jabatan Ukur dan Pemetaan  
Malaysia



Kementerian Sumber Asli  
dan Kelestarian Alam



Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia